

Lengkapkan teks di bawah berdasarkan gambar dan kosa kata yang diberikan.



diasingkan	memastikan	tapak	mengumpulkan	digali
besen	dimasukkan	dapur	menyuburkan	sihat

Pengusaha kantin sekolah saya seorang yang bijak. Beliau sentiasa mengurus sisa pepejal _____ dengan baik.

Antaranya, beliau _____ sisa pepejal dapur seperti botol-botol kosong, tin sardin kosong, air kotak minuman terbuang, dan sisa makanan dan buah-buahan daripada pinggan makanan murid ke dalam _____. Seterusnya, sisa makanan dan sisa sampah _____ dalam karung yang berbeza. Ini bagi memudahkan kerja-kerja pembuangan sisa pepejal dapur. Kemudian sisa makanan _____ ke dalam tong kompos manakala sisa sampah dimasukkan ke dalam tong sampah. Akhir sekali, lubang _____ dan sisa makanan dalam tong kompos ditimbus ke dalam tanah. Teknik ini sangat sesuai kerana kita dapat melupuskan sisa pepejal dan mendapat baja kompos. Baja kompos dapat _____ tanaman. Sisa sampah dalam tong sampah pula dihantar ke _____ pelupusan sampah untuk dirawat, ditanam dan dikitar semula.

Kesimpulannya, kita dapat _____ alam sekitar sentiasa bersih dengan mengurus sisa pepejal dapur dengan sempurna. Ini membantu kita hidup secara bersih dan _____.